

**Utusan Malaysia, Malaysia**

12 Feb 2015, by

Business & Finance, page 19 - 98.00 cm<sup>2</sup>Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 228,802  
(MTWTF)

ID 371975592

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

## Tiada perubahan harga gula

**KUALA LUMPUR 11 Feb.** - MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mendapati harga gula tidak mengalami sebarang perubahan walaupun pasaran gula di peringkat global menunjukkan trend penurunan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, keadaan itu memandangkan MSM membeli gula mentah dalam dolar Amerika Syarikat (AS) dan mata wang itu semakin kukuh berbanding ringgit.

Beliau berkata, kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar AS menyebabkan harga gula tidak dapat diturunkan buat masa ini.

Katanya, bagaimanapun pada harga jualan RM2.84 sekilogram, Malaysia merupakan pengeluar ketiga gula paling murah di rantau ASEAN selepas Vietnam dan Thailand.

"Walaupun, pasaran gula global menurun tetapi harga tetap kekal setakat ini kerana kami membeli gula mentah

dalam dolar AS," katanya dalam sidang akhbar pengumuman prestasi kewangan MSM bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2014 di sini hari ini.

Secara keseluruhan, perolehan MSM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 meningkat 3.6 peratus kepada RM2.28 bilion berbanding tahun sebelumnya manakala keuntungan selepas cukai naik satu peratus kepada RM257.01 juta untuk tempoh sama.

Manakala bagi tempoh suku keempat pula, keuntungan selepas cukai naik sebanyak 189 peratus kepada RM74.96 juta berbanding RM537.33 juta yang direkodkan pada suku sama tahun sebelumnya.

Pada 2013, kerajaan menghapuskan subsidi gula sekali gus meningkatkan harga jualan gula domestik kepada RM2,680 satu tan metrik berbanding RM2,300 hingga RM2,340 satu tan metrik sebelum ini.